

*Tarikh Dibaca: 29 Disember 2023M | 16 Jumadal Akhirah 1445H*



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

# KHUTBAH JUMAAT

***Tajuk:***

***“ZAKAT PAYUNG ASNAF”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***

## "ZAKAT PAYUNG ASNAF"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ  
عَلَيْهَا وَالْمَوْلَّاتِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ  
السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ  
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

<sup>1</sup> Al-Tawbah : 60.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



Tajuk khutbah pada hari ini ialah **"ZAKAT PAYUNG ASNAF."**

**Hadirin yang berbahagia,**

Masyarakat selalu keliru, siapakah yang layak menerima zakat? Hakikatnya, Allah SWT menjelaskan bahawa hanya ada lapan golongan sahaja yang boleh menerima santunan zakat, sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 60 yang dibaca dipermulaan khutbah tadi:

*"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."*

Maknanya, hanya mereka yang termasuk ke dalam golongan di atas sahajalah yang layak. Ibu tunggal, anak yatim, gelandangan mahu pun warga emas hanya layak, jika termasuk ke dalam salah satu asnaf. Contohnya, ibu tunggal yang miskin dibantu atas sifat kemiskinannya, bukan kerana sifat ibu tunggalnya.

Syarak juga amat memberikan keutamaan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf. Maka, mereka telah menerima pakej bantuan yang menyeluruh agar dapat keluar daripada kemiskinan dan tidak selamanya bergantung kepada bantuan. Antara bantuan itu ialah sara hidup bulanan, perumahan (sewa, baik pulih dan bina baharu), pendidikan (pra sekolah hingga ke universiti) dan ekonomi untuk menjalankan perniagaan.

**Hadirin jemaah yang dirahmati Allah SWT,**



Bolehkah kita membayar zakat pendapatan diluar negeri daripada tempat kita berkhidmat? Ketahuilah bahawa zakat pendapatan mestilah dibayar di tempat di mana kita berkhidmat dan mencari rezeki, walaupun kita menetap di luar daripada daerah tempat berkhidmat. Perkara ini telah dijelaskan oleh Imam al-Mawardi dalam kitab al-Hawi al-Kabir bahawa:

فَإِنْ كَانَتْ زَكَاةَ مَالٍ فَالْمُرَاعَى فِيهَا مَكَانُ الْمَالِ لَا مَكَانُ  
الْمَالِكِ

*"Maka sekiranya yang berkaitan dengan zakat harta, maka yang diraikan dalam hal ini adalah tempat harta dan bukannya tempat (tinggal) orang yang memiliki harta tersebut."*

Sandaran ini menunjukkan keutamaan membayar zakat di tempat seseorang itu mencari rezeki. Ini adalah kerana fakir miskin di kawasan tersebut adalah lebih berhak untuk menerima zakat daripada hasil yang ditunaikan oleh pembayar-pembayar zakat di kawasan tersebut. Ini berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang diwartakan pada 9 Mei 2002 telah menjelaskan bahawa "Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Selangor hendaklah membayar zakat pendapatan kepada Pusat Zakat Selangor."

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Pengurusan Zakat Selangor amat menjaga amanah dalam urusan zakat. Segala peruntukan yang dibelanjakan tidak disembunyikan dan dilaporkan setiap tahun. Aspek agihan menjadi keutamaan, agar para pembayar tahu ke mana wang mereka diagihkan.

Pada tahun 2022 misalnya, RM1.05 billion telah diagihkan kepada semua asnaf. Ia meliputi RM207.2 juta untuk fakir, RM360.8 juta untuk miskin, RM131.4 juta untuk amil, RM52.2 juta bagi muallaf, RM22.9 juta bagi



riqab, RM90 juta bagi gharimin, RM183.9 juta bagi fisabilillah dan RM0.9 juta bagi ibnu sabil.

Melalui Program Pembangunan Sosial misalnya, RM627.75 juta dibelanjakan dan memberi manfaat kepada 162,000 keluarga asnaf dan 444 buah institusi. Lebih membanggakan, seramai 6,000 orang asnaf keluar dari kemiskinan dan menjadi usahawan. Di bawah Program Pembangunan Pendidikan pula, RM58.3 juta telah dibelanjakan dengan 95,954 penerima dari pra sekolah hingga universiti dan meliputi bidang pengajian, seperti Pengajian Islam, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya. Bagi penghafaz al-Quran, Dermasiswa Huffaz berjumlah RM11.1 juta telah diterima oleh 5,234 orang penghafaz al-Quran. Melalui Tunas Usahawan Asnaf Selangor pula, 1,228 asnaf fakir dan miskin di Selangor berjaya menjadi usahawan dalam pelbagai bidang.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Di Selangor sebenarnya terdapat ramai sekali ikon asnaf zakat yang menempa nama sebagai manusia tauladan. Antara ikon asnaf berjaya di Selangor ialah Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Farid Ravi bin Abdullah, yang kini merupakan Naib Canselor Universiti Islam Selangor (UIS). Beliau antara contoh asnaf muallaf yang dibantu dari awal ke-Islamannya, sehinggalah akhirnya berjaya mengangkat martabat dirinya setanding malah lebih tinggi berbanding orang lain. Malah hari ini beliau sering menjadi sumber inspirasi kepada ramai pihak dalam mencipta kejayaan walaupun berstatus muallaf.

Kita juga boleh berbangga dengan anak-anak asnaf yang sudah melepasi gerbang universiti, menggondol ijazah dan seterusnya menjawati pelbagai pekerjaan, menjadi doktor, guru, pensyarah, jurutera dan sebagainya. Mereka membuktikan bahawa zakat yang disalurkan, memberikan kesempatan untuk mencipta anjakan dalam kehidupan.

### **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Hakikatnya, dengan kemampuan mengagihkan zakat sebanyak RM1.05 billion dan kutipan zakat sebanyak RM1.07 billion pada tahun 2022, jelas menunjukkan pengurusan Zakat Selangor benar-benar dipercayai di negeri ini. Semua ini diperolehi dengan penuh perjuangan. Seajar dengan usia 30 tahun Zakat Selangor pada tahun 2024, maka pengurusan Zakat Selangor sedar bahawa kunci kejayaan ini adalah dengan istiqamah memberikan khidmat yang terbaik, khususnya dalam aspek agihan zakat. Apabila pembayar zakat berpuas hati, mereka akan terus setia menunaikan zakat.

Pengurusan Zakat Selangor juga menjadi contoh kepada banyak negara seperti Indonesia, Thailand dan banyak lagi. Mereka teruja melihat inovasi zakat di Selangor dan memberi manfaat yang cukup banyak kepada umat Islam. Maka, untuk memastikan kejayaan ini berkekalan ia perlu terus mendapat sokongan semua pihak. Cara yang mudah, laporkanlah kepada Zakat Selangor jika dapati ada orang-orang yang layak dibantu; dan buanglah sikap secara sebarangan menularkan isu-isu zakat di media sosial.

### **Muslimin sekalian,**

Khatib menyeru agar kita sama-sama berganding bahu memperkasakan zakat di negeri ini, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 7:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ



*“Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.”*

Ingatlah, setiap usaha kita meringankan beban umat Islam yang lain, maka Allah SWT menjanjikan untuk meringankan beban kita. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ نَفَّسَ عَن مُّؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا، نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ. وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

*“Sesiapa yang membebaskan seseorang daripada kesusahan dunia, maka Allah akan melepaskannya daripada kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang memudahkan orang yang dalam kesusahan, maka Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup aib saudaranya yang Islam, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Allah akan membantu hamba selagi mana hamba (itu) membantu saudaranya.”* (Riwayat Muslim).

### **Hadirin sekalian,**

Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat itu amat besar peranannya dalam memayungi kemaslahatan umat Islam.
2. Umat Islam juga perlu sedar bahawa pengurusan zakat yang baik akan menatijahkan kebaikan kepada umat Islam di negeri ini.

3. Zakat Selangor selaku institusi yang diamanahkan oleh DYMM Sultan Selangor untuk menguruskan zakat perlulah diberikan sokongan moral dan material agar dapat menjalankan fungsinya dengan sebaik mungkin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ  
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

*“Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah).”*

*(Surah al-Maidah : 55).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا  
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ  
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu, para jemaah dinasihatkan supaya mengamalkan kawalan sendiri, menjaga kebersihan diri dan sekitar. Jagalah penjarakan dan memakai pelitup muka untuk mengelak penularan. Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang secara dekat terutama sekali jika mempunyai apa-apa gejala yang boleh dikaitkan dengan Covid-19.

Patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi elakkan penularan wabak agar kita terus dapat beramal ibadah dan melaksanakan aktiviti pengimarahannya di masjid dan surau dan dapat bersama-sama beramal di bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi seperti biasa.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ  
الْكَفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ



وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ  
انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي  
فَلَسْطِينَ.

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kau binalah semula keamanan dan kesejahteraan di bumi Palestin agar rakyatnya hidup bahagia.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ  
وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.